

**GARIS PANDUAN PERANCANGAN TAPAK PERKHEMAHAN  
NEGERI PULAU PINANG  
(PINDAAN)**

**Berkuatkuasa  
27 FEBRUARI 2025**

## **PEMBERITAHUAN**

Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan ini telah diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan pemakaian garis panduan ini telah diangkat oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia Pulau Pinang) ke Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Pulau Pinang bilangan 2/2025 bertarikh 27 Februari 2025.

Pemakaian garis panduan ini tidak mengatasi mana-mana garis panduan lain sama ada dari segi subjek atau kandungan yang disediakan di bawah peruntukan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pulau Pinang.

Perlaksanaan dan penguatkuasaan panduan ini perlu merujuk kepada dasar, pekeliling dan piawaian yang digubal dan dikuatkuasa oleh PBT berpandukan skop kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang, serta garis panduan perancangan lain yang digubal oleh PBT dari semasa ke semasa.

## 1.0 PENGENALAN

Pemakaian Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan yang disediakan oleh PLANMalaysia dan pindaanya yang telah disesuaikan di peringkat negeri Pulau Pinang, akan digunakan dalam negeri Pulau Pinang, khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

## 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis panduan perancangan ini telah dibentang dan diluluskan oleh:
  - i. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan PLANMalaysia Bil. 2/2023 bertarikh 10 April 2023;
  - ii. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bil. 4/2023 bertarikh 4 September 2023; dan
  - iii. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 13 Disember 2023.
- 2.2 Garis panduan perancangan ini juga telah dibentang dan dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-82 pada 27 Mac 2024 untuk diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 2.3 Garis panduan perancangan ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) serta peruntukan undang-undang sedia ada yang berkaitan.
- 2.4 Rujukan perlu dibuat ke atas garis panduan perancangan lain yang telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan diterima pakai di peringkat negeri dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.
- 2.5 Garis panduan ini telah dibentangkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) di dalam Mesyuarat Jawatankuasa MMK Perancang Bandar dan Desa Bil. 1/2025 pada 18 Mac 2024 (Isnin).
- 2.6 Seterusnya pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil. 1/2024, telah pun berkuatkuasa pada 10 Jun 2024 bagi pelaksanaan Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan ini dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

- 2.7 Pemakaian garis panduan tersebut telah diedar kepada jabatan berkaitan pada 6 Ogos 2024 dan penyelarasan telah dibuat pada 14 Januari 2025 bersama jabatan / agensi teknikal.
- 2.8 Garis Panduan ini telah dibentangkan di dalam Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Pulau Pinang bilangan 2/2025 bertarikh 27 Februari 2025 dan disahkan pada hari yang sama.

### 3.0 GARIS PANDUAN PERANCANGAN TAPAK PERKHEMAHAN

Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan ini **dipinda bagi pemakaian di dalam** Negeri Pulau Pinang, **pindaan seperti berikut :**

Kategori Pembangunan Tapak Perkhemahan	Pemilikan Tanah		Jenis Kelulusan			
	Tanah Rizab	Tanah Bermilik	Permit Bangunan Sementara	Kebenaran Merancang	*Pelan Bangunan	Lesen Perniagaan PBT
Tapak Perkhemahan Asas <b>(kemudahan &lt;3,000 kp)</b> - Sedia Ada & Baru		/	/	***Tertakluk kepada PBT	***Tertakluk kepada PBT	/
Tapak Perkhemahan Asas <b>(kemudahan &gt;3,000 kp)</b>	Sedia Ada	/	/	/(2026)		/
	Ada	/		/		/
Tapak Perkhemahan Premium	Sedia Ada	/	/**	/(2025)	/(2025)	/
	Ada	/		/	/	/

**NOTA:**

- i. \*Tertakluk kepada keperluan pengemukaan pelan-pelan lain yang berkaitan seperti pelan kerja tanah, pelan perparitan, pelan lampu jalan dan pelan lanskap.
- ii. \*\* Permit Bangunan Sementara (PBS) tidak terpakai setelah mendapat kelulusan Pelan Bangunan.
- iii. \*\*\*Tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan
- iv. (Tahun) – Tahun akhir moratorium di mana pemilik tapak perkhemahan perlu mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan untuk pertimbangan kelulusan PBT.

#### **4.0 PEMAKAIAN**

Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan telah diperakukan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 2/2025 bertarikh 27 Februari 2025 pemakaiannya di dalam Negeri Pulau Pinang.

Garis panduan Perancangan Tapak Perkhemahan seperti dilampiran perlu dibaca bersama dokumen ini khususnya para 3.0.

#### **5.0 PENUTUP**

Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan bagi pemakaian di Negeri Pulau Pinang ini berkuatkuasa 27 Februari 2025.

# GARIS PANDUAN PERANCANGAN TAPAK PERKHEMAHAN





**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

# **GARIS PANDUAN PERANCANGAN TAPAK PERKHEMAHAN**

**PLAN**Malaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning : Beyond Conventional*

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (**PLAN**Malaysia)  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**2023**

**Cetakan Pertama 2023**

© Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
(PLANMalaysia)  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**Hak cipta Terpelihara**

Mana-mana bahagian dalam garis panduan perancangan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

**Diterbitkan oleh:**

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Blok F5, Kompleks F, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62675 PUTRAJAYA  
MALAYSIA  
Tel : 03-8091 0000  
[www.planmalaysia.gov.my](http://www.planmalaysia.gov.my)

## **PEMBERITAHUAN**

Garis panduan perancangan ini telah dibentang dan diluluskan oleh:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan PLANMalaysia Bil. 2/2023 bertarikh 10 April 2023;
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bil. 4/2023 bertarikh 4 September 2023; dan
- iii. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 13 Disember 2023.

Garis panduan perancangan ini juga telah dibentang dan dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-82 pada 27 Mac 2024 untuk diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Garis panduan perancangan ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) serta peruntukan undang-undang sedia ada yang berkaitan.

Rujukan perlu dibuat ke atas garis panduan perancangan lain yang telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan diterima pakai di peringkat negeri dan pihak berkuasa perancang tempatan.



## **ISI KANDUNGAN**

<b>1.0</b>	<b>PENGENALAN</b>	
1.1	Tujuan	1
1.2	Objektif	2
1.3	Skop	2
<b>2.0</b>	<b>LATAR BELAKANG</b>	
2.1	Keadaan Semasa	3
2.2	Isu dan Cabaran	4
2.3	Potensi Dan Peluang	5
2.4	Keperluan Penyediaan Garis Panduan	5
<b>3.0</b>	<b>TAFSIRAN DAN KATEGORI TAPAK PERKHEMAHAN</b>	
3.1	Tafsiran	6
3.2	Kategori Tapak Perkhemahan	7
<b>4.0</b>	<b>DASAR, PERUNDANGAN DAN PRINSIP PERANCANGAN</b>	
4.1	Asas Perundangan Perancangan Pemajuan dan Kawal Selia Tapak Perkhemahan	9
4.2	Prinsip Perancangan Tapak Perkhemahan	10
<b>5.0</b>	<b>PERANCANGAN TAPAK PERKHEMAHAN</b>	
5.1	Kesesuaian Lokasi	11
5.2	Kesesuaian Tapak	12
5.3	Penanda Sempadan Tapak dan Laluan Dalaman	12
5.4	Perletakan Plot Khemah	13
5.5	Penyediaan Kemudahan Asas	15
5.6	Penyediaan Kemudahan Utiliti	17
<b>6.0</b>	<b>MEKANISME PEMAJUAN DAN KAWAL SELIA TAPAK PERKHEMAHAN</b>	
6.1	Kawal Selia Tapak Sedia Ada	18
6.2	Permohonan Tapak Baharu	18
6.3	Lain-Lain Kaedah Kawalan	19
6.4	Konsultasi Maklumat Teknikal	19
<b>7.0</b>	<b>PENGURUSAN OPERASI TAPAK PERKHEMAHAN</b>	
7.1	Daftar Masuk	22
7.2	Taklimat Keselamatan	22
7.3	Keperluan Kakitangan Di Tapak	22
7.4	Persediaan Situasi Kecemasan	23
7.5	Penyelenggaraan Tapak	23
7.6	Lain-Lain Keperluan	24
<b>8.0</b>	<b>PENUTUP</b>	<b>25</b>

**Senarai Jadual**

Jadual 3.1	Kategori Tapak Perkhemahan di Malaysia	8
Jadual 5.1	Konsultasi Maklumat Teknikal Tapak Perkhemahan Mengikut Kawasan Risiko	14
Jadual 6.1	Mekanisme Pemajuan dan Kawal Selia Permohonan Tapak Perkhemahan	20

**Senarai Rajah**

Rajah 5.1	Ilustrasi jarak antara kluster khemah	13
Rajah 6.1	Carta Alir Permohonan Pemajuan Tapak Perkhemahan	21

**Senarai Lampiran**

Lampiran 1	Lakaran Pelan Susun Atur Bagi Tapak Perkhemahan Berkeluasan 1 Ekar	L-1
------------	--	-----

A photograph of a forest campsite. In the foreground, a campfire is burning brightly, with a large black pot hanging over it. The ground is covered in dry leaves and twigs. In the middle ground, there are several tents: a green one with yellow trim on the left, a white one in the center, and a yellow one on the right. The background is a dense forest of tall, thin trees. A large white number '1' is overlaid on the left side of the image.

# PENGENALAN

- 1.1 Tujuan
- 1.2 Objektif
- 1.3 Skop





# 1.0 PENGENALAN

## 1.1 TUJUAN

Garis panduan perancangan ini bertujuan memberi panduan perancangan tapak perkhemahan, memperjelas proses pemajuan tapak perkhemahan dan memberi panduan pengurusan operasi tapak perkhemahan kepada pihak berkepentingan iaitu pihak berkuasa, pemaju dan perunding, pengusaha serta orang awam.

## 1.2 OBJEKTIF

Objektif utama penyediaan garis panduan perancangan ini ialah untuk:

- 1** Memastikan perancangan tapak perkhemahan mengutamakan keselamatan awam dan kemampan persekitaran;
- 2** Memastikan tatacara permohonan dan pertimbangan oleh pihak berkuasa adalah selaras dan menepati kehendak peraturan dan perundangan semasa; dan
- 3** Meningkatkan kecekapan pengurusan dan operasi tapak perkhemahan.

## 1.3 SKOP

Garis panduan perancangan ini merangkumi dua kategori tapak perkhemahan iaitu tapak perkhemahan asas dan tapak perkhemahan premium.

Garis panduan perancangan ini tidak meliputi aktiviti dan projek perkhemahan lain seperti aktiviti perkhemahan persendirian di hutan, khemah pelarian, khemah perlindungan insiden kecemasan, khemah ketenteraan, aktiviti perkhemahan anjuran institusi pendidikan serta aktiviti pertubuhan sosial dan kebajikan bukan kerajaan (NGO).

Garis panduan perancangan ini merangkumi tiga aspek utama berikut:



**PERANCANGAN TAPAK  
PERKHEMAHAN**



**MEKANISME PEMAJUAN DAN  
KAWAL SELIA TAPAK  
PERKHEMAHAN**



**PENGURUSAN OPERASI  
TAPAK PERKHEMAHAN**



# LATAR BELAKANG


- 2.1 Keadaan Semasa
- 2.2 Isu dan Cabaran
- 2.3 Potensi dan Peluang
- 2.4 Keperluan Penyediaan  
Garis Panduan



## 2.0 LATAR BELAKANG

Perkhemahan merupakan aktiviti rekreasi yang semakin mendapat sambutan orang awam pada masa kini. Situasi pasca pandemik COVID-19 menunjukkan minat orang ramai terhadap aktiviti perkhemahan meningkat di seluruh negara terutamanya sebaik sahaja kerajaan memberi kelonggaran untuk aktiviti pelancongan tempatan dijalankan.

Selain itu, perkongsian aktiviti perkhemahan di media sosial telah menarik minat orang ramai sehingga aktiviti ini berkembang dan menjadi sebahagian gaya hidup moden masa kini. Trend ini mewujudkan permintaan yang tinggi kepada pembukaan tapak-tapak perkhemahan baharu di seluruh negara dan mewujudkan bidang baharu bagi penjana ekonomi tempatan.



Contoh ciri-ciri unik tarikan aktiviti perkhemahan.  
(Latar Penyel, Sungai Siput, Perak)

Aktiviti ini dilakukan dengan santai sama ada secara bersendirian atau berkumpulan dengan tujuan untuk beriadah, beristirahat, menghayati alam semula jadi, memupuk sifat berdikari dan semangat berpasukan serta mengamalkan gaya hidup sihat.

Walau bagaimanapun isu-isu berkaitan aspek keselamatan, keselesaan dan kemampunan alam sekitar mula dibangkitkan kebelakangan ini seiring dengan kerancakan aktiviti ini dan ianya perlu diuruskan dengan teliti dan tuntas.

### 2.1 KEADAAN SEMASA

Perkhemahan umumnya memerlukan peralatan dan bekalan makanan asas. Kawasan yang menjadi pilihan untuk berkhemah kebiasaannya mempunyai unsur tarikan alam semula jadi seperti tasik, sungai, pantai, air terjun, perkampungan tradisi, aktiviti pertanian, dusun dan sebagainya. Ianya dijalankan sama ada secara berseorangan ataupun secara berkumpulan.



Contoh tapak perkhemahan di kawasan pertanian.  
(Stella Golden Hill, Cameron Highlands)

Perkembangan semasa menunjukkan perkhemahan premium yang menawarkan keselesaan dengan kemudahan bertaraf premium semakin mendapat sambutan. Perkhemahan bertemakan *glamorous camping* atau lebih dikenali sebagai *glamping* merupakan jenis perkhemahan yang bercirikan chalet. *Glamping* dilengkapi dengan kemudahan seperti katil, penghawa dingin, lampu dan perkhidmatan seperti kafe, surau, ruang riadah, hiburan. Berdasarkan pemerhatian, infrastruktur kemudahan perkhemahan *glamping* lebih lengkap dan diuruskan dengan baik namun melibatkan pembinaan struktur jenis kekal.



Contoh gambaran perkhemahan yang menawarkan kemudahan yang bertaraf premium.  
(The Hooton Retreat, Negeri Sembilan dan Gopeng Glamping, Perak)

## 2.2 ISU DAN CABARAN

Aspek keselamatan di tapak perkhemahan perlu diberi perhatian kerana lokasi tapak perkhemahan lazimnya terletak berdekatan dengan kawasan berisiko seperti sungai, pantai, bukit dan tebing tinggi. Ia akan mendatangkan risiko kemalangan kepada manusia serta kerosakan kemudahan dan infrastruktur.

Tapak perkhemahan yang terletak di tanah tinggi dan cerun curam terdedah kepada risiko tanah runtuh. Manakala tapak berhampiran badan air seperti sungai berisiko dilanda banjir, banjir lumpur, banjir puing dan fenomena kepala air.

Tapak perkhemahan berhampiran kawasan berhutan turut terdedah kepada gangguan binatang liar seperti monyet, gajah dan harimau. Manakala kejadian jenayah seperti kecurian dan vandalisme boleh terjadi di tapak perkhemahan yang terletak berhampiran dengan petempatan manusia.

Kerancangan pembukaan tapak perkhemahan baharu juga memberi cabaran kepada pihak berkuasa dalam mewujudkan suatu kaedah kawal selia pembangunan terbaik bagi memastikan kemampunan alam sekitar dijaga dan perundangan semasa dapat dipatuhi.


## 2.3 POTENSI DAN PELUANG

Aktiviti perkhemahan memberi manfaat kepada sektor pelancongan dan perniagaan tempatan. Ia membuka peluang baharu penjana pendapatan terutamanya melalui bidang perkhidmatan yang berkaitan dengan aktiviti perkhemahan. Pewujudan peluang-peluang pekerjaan seperti pengusaha tapak perkhemahan, juru pandu arah, penjaga tapak, pekerja penyelenggara, pengendali aktiviti lasak dan lain-lain mampu menarik tenaga kerja tempatan untuk terlibat secara langsung. Aktiviti perniagaan terutamanya perkhidmatan makanan dan minuman turut mendapat manfaat dari perkembangan ini.

Selain faedah ekonomi, ia turut meningkatkan kesedaran umum terhadap kepentingan menjaga alam semula jadi. Aktiviti-aktiviti seperti mendaki bukit, memancing, berkayak dan sebagainya dapat membudayakan gaya hidup sihat dan mengeratkan hubungan masyarakat.

## 2.4 KEPERLUAN PENYEDIAAN GARIS PANDUAN

Tragedi tanah runtuh yang berlaku di kawasan perkhemahan Father's Organic Farm, Batang Kali, Hulu Selangor pada 16 Disember 2022 telah menjadi titik tolak kepada kajian penyediaan garis panduan ini. Kesan kemusnahan alam sekitar, infrastruktur awam dan kehilangan nyawa telah menimbulkan persoalan tentang tahap keselamatan dan kawal selia aktiviti tapak perkhemahan di Malaysia. Justeru, gerak kerja penyediaan garis panduan ini mula diatur berdasarkan kepada perkara berikut:



Sesi Taklimat Khas Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) kepada Yang Berhormat Menteri KPKT pada 3 Januari 2023.

Inti pati ucapan penggulungan Yang Berhormat Menteri KPKT semasa sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat pada 22 Februari 2023 yang menyatakan komitmen Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan untuk memuktamadkan garis panduan ini pada tahun 2023.

### TRAGEDI FATHER'S ORGANIC FARM, BATANG KALI

- Berlaku kira-kira jam 2.30 pagi pada 16 Disember 2022.
- Seramai 92 orang mangsa terlibat, iaitu 61 orang terselamat dan 31 orang terkorban.
- Melibatkan 1,778 orang anggota mencari dan menyelamatkan (SAR) dari 16 buah agensi kerajaan, 8 buah jentera jengkaut dan 11 ekor anjing pengesan.

Sumber : [www.astroawani.com](http://www.astroawani.com), 22 Dis 2022

# 3

## TAFSIRAN DAN KATEGORI TAPAK PERKHEMAHAN

- 3.1 Tafsiran
- 3.2 Kategori Tapak  
Perkhemahan



## 3.0 TAFSIRAN DAN KATEGORI TAPAK PERKHEMAHAN



### 3.1 TAFSIRAN

Di dalam garis panduan perancangan ini, beberapa tafsiran berkaitan tapak perkhemahan dan aktiviti telah digariskan iaitu:

#### (a) Aktiviti Berkhemah

Mendirikan atau memasang khemah yang digunakan untuk berteduh atau bermalam (DBP, 2022). Aktiviti berkhemah kebiasaannya dijalankan untuk tujuan rekreasi ataupun pelancongan di dalam tempoh masa yang pendek.

#### (b) Tapak Perkhemahan

Sesuatu kawasan tanah yang mempunyai sempadan dan dibangunkan khusus bagi penyediaan penginapan tidur di dalam khemah berserta kemudahan asas seperti tandas, tempat mencuci, memasak dan makan.

#### (c) Plot Khemah

Kawasan yang dikhaskan untuk mendirikan khemah sama ada khemah individu atau kluster.

#### (d) Kluster Khemah

Khemah yang didirikan melebihi dari satu unit di dalam plot khemah secara berkelompok dan berdekatan.

#### (e) Aktiviti Sokongan

Aktiviti yang dijalankan di dalam atau luar tapak perkhemahan seperti mendaki, berakit, menunggang kuda, *flying fox*, *hiking*, menunggang ATV dan sebagainya.

### 3.2 KATEGORI TAPAK PERKHEMAHAN

Garis panduan perancangan ini juga mengenal pasti dan membahagikan tapak perkhemahan kepada dua kategori berdasarkan ciri-ciri utama iaitu lokasi, pemilikan tanah, status binaan, kesediaan khemah, tahap kemudahan asas dan utiliti serta aktiviti sokongan (rujuk **Jadual 3.1**). Dua kategori tapak perkhemahan tersebut adalah seperti berikut:

#### (a) Tapak Perkhemahan Asas

Tapak perkhemahan bagi kategori ini berpotensi dibangunkan di kawasan yang mempunyai ciri fizikal semula jadi seperti sungai, tasik, pantai, tanah tinggi, perkampungan dan pertanian.

Status pemilikan tanah bagi pemajuan kategori ini boleh sama ada di atas tanah rizab (awam) atau tanah bermilik (persendirian) dengan jenis binaan separa kekal atau kekal.

Jenis penyediaan khemah adalah khemah yang didirikan sendiri atau khemah yang siap dipasang oleh operator. Kemudahan asas dan utiliti yang disediakan di tapak adalah termasuk pejabat, ruang solat, tandas, tempat memasak dan lain-lain. Aktiviti sokongan yang terdapat di sekitar kawasan tapak adalah seperti jenis rekreasi darat dan air, riadah keluarga dan aktiviti lasak.



Contoh penyediaan khemah asas.

#### (b) Tapak Perkhemahan Premium

Tapak perkhemahan bagi kategori ini berpotensi dibangunkan di kawasan yang mempunyai ciri fizikal semula jadi seperti sungai, tasik, pantai, tanah tinggi, perkampungan dan pertanian. Status pemilikan tanah bagi pemajuan kategori ini boleh sama ada di atas tanah rizab (awam) atau tanah bermilik (persendirian) dengan jenis binaan separa kekal atau kekal.

Penyediaan khemah pula adalah dari jenis khemah yang dipasang siap oleh operator dengan kelengkapan seperti perabot, peralatan elektrik dan tandas yang bertaraf premium. Manakala penyediaan bagi kemudahan asas dan utiliti seperti kafe, pejabat, tandas, tempat riadah dan kawasan hiburan adalah berciri premium serta mengutamakan keselesaan. Aktiviti sokongan yang terdapat di sekitar kawasan tapak adalah seperti jenis rekreasi darat dan air, riadah keluarga dan aktiviti lasak.



Contoh khemah premium yang menyediakan kelengkapan seperti katil dan penghawa dingin.

Berdasarkan dua kategori tapak perkhemahan ini, perbezaan utama yang boleh dilihat di antara kedua-duanya ialah pada jenis kesediaan khemah dan tahap kemudahan asas serta utiliti yang disediakan di tapak.

Jadual 3.1: Kategori Tapak Perkhemahan di Malaysia

KATEGORI PERKHEMAHAN	CIRI - CIRI					AKTIVITI SOKONGAN
	LOKASI BERPOTENSI	STATUS PEMILIKAN TANAH	BINAAN	JENIS KHEMAH	KEMUDAHAN ASAS DAN UTILITI	
<b>1. TAPAK PERKHEMAHAN ASAS</b>	<p>Kawasan yang mempunyai ciri fizikal semula jadi seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sungai</li> <li>• Tasik</li> <li>• Pantai</li> <li>• Tanah Tinggi</li> <li>• Perkampungan</li> <li>• Pertanian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanah Rizab (Awam)</li> <li>• Tanah Bermilik (Persendirian)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Separa kekal</li> <li>• Kekal</li> </ul>	<p>Pilihan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendirikan khemah sendiri</li> <li>• Khemah dipasang siap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemudahan seperti pejabat, ruang solat, tandas, tempat memasak dan lain-lain disediakan secara asas</li> <li>• Utiliti: elektrik, air dan telekomunikasi</li> </ul>	<p>Aktiviti di dalam tapak dan kawasan berhampiran seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekreasi darat dan air</li> <li>• Riadah keluarga</li> <li>• Aktiviti luar dan lasak</li> </ul>
				<p>Khemah dipasang siap dengan kelengkapan dan perabot bertaraf premium</p>	<p>Kemudahan seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pejabat</li> <li>• Kafe</li> <li>• Surau</li> <li>• Tandas</li> <li>• Utiliti: elektrik, air dan telekomunikasi</li> <li>• Tempat rehat</li> <li>• Kawasan hiburan</li> <li>• Tempat masak dan makan</li> <li>• Ruang riadah yang bertaraf premium</li> </ul>	
<b>2. TAPAK PERKHEMAHAN PREMIUM</b>						



# 4 DASAR, PERUNDANGAN DAN PRINSIP PERANCANGAN

4.1 Asas Perundangan  
Perancangan Pemajuan  
Dan Kawal Selia Tapak  
Perkhemahan




4.2 Prinsip Perancangan



## 4.1 ASAS PERUNDANGAN PERANCANGAN PEMAJUAN DAN KAWAL SELIA TAPAK PERKHEMAHAN

Penyediaan garis panduan perancangan ini adalah selaras dengan peruntukan Akta, Dasar dan Garis Panduan sedia ada yang berkaitan seperti berikut:

- (a) Kanun Tanah Negara (Akta 828) (Semakan 2020);
- (b) Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172);
- (c) Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133);
- (d) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171);
- (e) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, 1984;
- (f) Akta Industri Pelancongan, 1992 (Akta 482);
- (g) Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN 4) (PLANMalaysia, 2021);
- (h) Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara Kedua (RFZPPN2) (PLANMalaysia, 2021);
- (i) Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020 - 2030 (MOTAC, 2020);
- (j) Pelan Eko Pelancongan Kebangsaan 2016 - 2025 (MOTAC, 2016);
- (k) Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia (PLANMalaysia, 2019);
- (l) Garis Panduan Perancangan Pembangunan dan Pengurusan di Kawasan Berisiko Bencana Gempa Bumi (PLANMalaysia, 2018);
- (m) Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) (PLANMalaysia, 2017);
- (n) Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi (PLANMalaysia, 2009);
- (o) Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rizab Sungai (JPS, 2009); dan
- (p) Garis Panduan Penggunaan Kawasan Rentis Penghantaran TNB (TNB, 2003).



## 4.2 PRINSIP PERANCANGAN TAPAK PERKHEMAHAN

Enam prinsip perancangan telah digariskan bagi penyediaan garis panduan perancangan ini iaitu:



### (a) Keselamatan

Memastikan persekitaran sekeliling dan kemudahan yang disediakan selamat kepada umum serta tidak merosakkan alam sekitar.




### (b) Keselesaan

Keselesaan bukan sahaja kepada pengunjung tetapi kepada penduduk kawasan sekitar.



### (c) Kemampanan

Meminimumkan kerosakan aset semula jadi dan memelihara kemampanan alam sekitar.



### (d) Kesenambungan Sosial

Memupuk interaksi sosial, semangat toleransi dan persefahaman.



### (e) Kemakmuran Ekonomi

Merencanakan ekonomi dengan penglibatan penduduk bagi menjana pendapatan berterusan.



### (f) Kepatuhan Perundangan

Mematuhi peruntukan perundangan dan peraturan sedia ada.



# PERANCANGAN TAPAK PERKHEMAHAN

- 5.1 Kesesuaian Lokasi
- 5.2 Kesesuaian Tapak
- 5.3 Penandaan Sempadan Tapak dan Laluan Dalaman
- 5.4 Perletakan Plot Khemah
- 5.5 Penyediaan Kemudahan Asas
- 5.6 Penyediaan Kemudahan Utiliti



## 5.0 PERANCANGAN TAPAK PERKHEMAHAN

Di bawah aspek perancangan GPP ini, enam perkara telah digariskan sebagai panduan utama bagi perancangan pemajuan sesebuah tapak perkhemahan iaitu:

### 5.1 KESESUAIAN LOKASI

Tapak perkhemahan boleh diusahakan di kawasan yang mempunyai ciri-ciri alam semula jadi yang menarik seperti tasik, sungai, pantai dan kawasan yang mempunyai elemen keunikan tersendiri seperti perkampungan tradisi, ladang pertanian, tempat warisan sejarah dan sebagainya.

Tapak perkhemahan boleh diusahakan di atas semua zon guna tanah. Walau bagaimanapun, faktor keselamatan dan keselesaan mestilah sentiasa diutamakan dengan mengelakkan kawasan yang boleh mewujudkan kacau ganggu penduduk dan persekitaran, mencemarkan alam sekitar atau membahayakan nyawa manusia.



Perkhemahan di Pantai Port Dickson Negeri Sembilan.



Perkhemahan di Kuala Mu, Sungai Siput, Perak.



Perkhemahan di Tasik Beris, Sik, Kedah.



Perkhemahan di Cameron Highlands, Pahang.

Contoh tapak perkhemahan di pelbagai lokasi yang berkaitan dengan ciri-ciri alam semula jadi.

## 5.2 KESESUAIAN TAPAK

- (a) Hubungan dengan akses:
- i. Tapak hendaklah boleh diakses sama ada dengan kenderaan darat, air atau udara;
  - ii. Akses ke tapak perkhemahan mesti dalam keadaan baik termasuk semasa musim hujan;
  - iii. Akses bantuan kecemasan ke tapak perlu mengambil kira keperluan pasukan penyelamat seperti ambulans dan jentera bomba.
- (b) Kawasan larangan seperti sempadan antarabangsa, infrastruktur berkepentingan negara dan kawasan pertahanan adalah **tidak dibenarkan**.
- (c) Kawasan berisiko bencana adalah **tidak dibenarkan** seperti mana berikut:
- i. Tapak berhampiran garis sesar gempa bumi yang telah disahkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG);
  - ii. Tapak berkemungkinan menjadi paya atau berair semasa musim hujan;
  - iii. Tapak tidak mempunyai aliran air yang baik dan di bawah paras banjir serta tanah tidak telap air;
  - iv. Hutan paya gambut yang mudah terbakar; dan
  - v. Rupa bentuk bumi dengan ciri-ciri cerun curam, lembah sempit dan jurang.

## 5.3 PENANDAAN SEMPADAN TAPAK DAN LALUAN DALAMAN

- (a) Penandaan tapak perkhemahan dan kawasan sempadan sekelilingnya mesti dibuat dengan cara membina pagar atau penanaman landskap yang sesuai yang diselenggara dengan baik. Pemasangan pagar juga bertujuan untuk menghindari gangguan binatang liar dan kejadian jenayah.
- (b) Laluan ke kawasan umum (tempat masak, makan, tandas dan sebagainya) dan ke khemah individu perlu disediakan dan dicahayai dengan baik pada waktu malam.
- (c) Laluan kecemasan hendaklah disediakan dan ditanda dengan baik dan jelas.




Contoh pembinaan pagar di sekitar kawasan khemah menggunakan tayar terpakai. (Kamar Aisyah Campsite, Batang Kali)



Contoh laluan ke kawasan umum dan laluan kecemasan. (Gopeng Glamping, Perak)

### 5.4 PERLETAKAN PLOT KHEMAH

(a) Jarak di antara kluster khemah hendaklah sekurang-kurangnya 3 meter.





Rajah 5.1 Ilustrasi jarak antara kluster khemah.

(b) Plot khemah mestilah berada dalam **jarak selamat** dari kawasan berisiko iaitu sungai, pinggir laut dan pantai, tasik, tebing tinggi, cerun bukit dan laluan kemudahan utiliti. Keperluan untuk merujuk agensi teknikal bagi konsultasi tapak di kawasan berisiko adalah tertakluk kepada nasihat PLANMalaysia Negeri atau PBT. (rujuk **Jadual 5.1**).



Contoh gambar pemasangan khemah di bukit yang mengambil kira jarak selamat.



Contoh ilustrasi jarak penyediaan tapak perkhemahan yang mengambil kira jarak selamat.

**Jadual 5.1:** Konsultasi Maklumat Teknikal Pemajuan Tapak Perkhemahan Mengikut Kawasan Risiko

KAWASAN RISIKO	AGENSI DIRUJUK (Konsultasi mengikut nasihat PLAN Malaysia Negeri atau PBT untuk penentuan jarak selamat)	KEPERLUAN TAMBAHAN PENYEDIAAN	
		PAPAN TANDA AMARAN	SISTEM AMARAN AWAL BENCANA
Sungai	JPS	/	/
Pinggir laut dan pantai	JPS	/	/
Tasik	Pihak Berkuasa berkaitan	/	-
Tebing tinggi	JMG, JKR	/	/
Cerun bukit	JMG, JKR	/	/
Laluan kemudahan utiliti (elektrik/ air/ gas/ jalur lebar)	TNB, PBAN, GAS MALAYSIA, TM dan lain-lain.	/	-

- (c) Penggunaan ruang tapak secara maksimum di **kawasan berisiko seperti di Jadual 5.1** adalah tidak dibenarkan. Ianya bertujuan untuk menyediakan jarak selamat apabila berlaku bencana di kawasan risiko dan bagi menyediakan ruang evakuasi secukupnya jika terjadi insiden kecemasan.
- (d) Pemasangan khemah di kawasan lapang dan puncak bukit perlu mengambil kira risiko laluan angin kencang dan kejadian kilat.



## 5.5 PENYEDIAAN KEMUDAHAN ASAS

### (a) Akses



Keperluan akses selain kenderaan darat juga boleh dipertimbangkan mengikut keperluan tapak seperti penyediaan jeti bot untuk akses air dan helipad untuk akses melalui udara.



Contoh akses yang sesuai.

### (b) Tempat Letak Kenderaan (TLK)



Kawasan tempat letak kenderaan umum untuk kegunaan peserta perkhemahan perlu disediakan dengan jumlah yang mencukupi.

Laluan dan tempat letak kenderaan khas untuk pasukan penyelamat seperti ambulan dan jentera bomba perlu disediakan dan ditandakan.



Contoh TLK yang mengambil kira keperluan kegunaan kecemasan.

### (c) Pejabat / Ruang Pentadbiran



Pejabat pengurusan menguruskan hal-hal pentadbiran tapak dan menyimpan rekod peserta perkhemahan. Ia juga menguruskan daftar masuk serta memastikan keberadaan petugas yang mencukupi semasa aktiviti dijalankan di tapak. Pejabat pengurusan juga boleh digunakan sebagai Bilik Gerakan jika berlaku sebarang kejadian kecemasan. Selain itu, ia turut boleh dijadikan sebagai tempat rawatan awal yang lengkap dengan peralatan bantu mula.



Contoh pejabat / ruang pentadbiran tapak perkhemahan premium.

### (d) Kawasan Memasak dan Makan



Kawasan memasak hendaklah disediakan dengan keluasan yang bersesuaian dilengkapi kemudahan yang berkaitan.

Tapak yang menyediakan kemudahan kafeteria dan perkhidmatan katering perlu mematuhi tatacara penyediaan makanan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Penyediaan kawasan memasak dan makan tidak boleh terlalu hampir dengan khemah bagi mengelakkan risiko kebakaran dan ketidakselesaan umum. Kemudahan berkaitan seperti kerusi dan meja perlu disediakan di ruang makan. Kerja pembersihan ruang ini perlu sentiasa dibuat bagi mengelakkan pembiakan binatang pembawa penyakit seperti tikus dan lipas serta haiwan berbisa.



Contoh ruang makan dan kafe tapak perkhemahan premium.

**(e) Tempat Berkumpul**

Pihak pengurusan hendaklah menyediakan satu kawasan khas berdasarkan pelan tindakan keselamatan bagi peserta perkhemahan berkumpul semasa terjadinya kejadian kecemasan seperti kebakaran, bencana alam dan sebagainya.

Kawasan tersebut perlu sesuai dan boleh diakses dengan mudah. Kawasan yang diperuntukkan untuk kemudahan lain seperti padang dan tempat letak kereta boleh digunakan untuk tujuan ini.



Contoh tempat berkumpul yang selamat jika berlaku kecemasan.

**(f) Tandas**

Tandas hendaklah dibina dengan reka bentuk dan material yang bersesuaian dan selamat digunakan. Bilangan unit tandas perlu sesuai dengan jumlah bilangan peserta perkhemahan dan skala keluasan tapak perkhemahan. Bilangan **minimum** penyediaan tandas ialah **dua unit tandas lelaki dan dua unit tandas perempuan**.



Contoh kemudahan tandas di tapak perkhemahan premium.

**(g) Surau / Ruang Solat**

Bagi tujuan ibadah, surau atau ruang solat perlu disediakan dengan saiz yang bersesuaian dengan kapasiti dan skala tapak perkhemahan. Ia perlu dibina berasingan antara lelaki dan perempuan dengan kemudahan tempat berwuduk dan dilengkapi cahaya lampu pada waktu malam.



Contoh kemudahan surau / ruang solat di tapak perkhemahan premium.

**(h) Perparitan**

Bentuk muka bumi yang sesuai bagi tapak khemah ialah tanah rata dan kering serta mempunyai sistem saliran yang baik. Longkang dan saliran perparitan di sekeliling tapak mesti disediakan untuk mengelakkan air bertakung.


**(i) Papan Tanda**

Papan tanda yang menunjukkan arah, amaran, peringatan, pelan kecemasan, nama atau nombor telefon pengurus bertugas dan sebagainya hendaklah disediakan dengan bilangan yang sesuai, mudah dilihat dan diletakkan di kawasan yang sesuai.



Contoh papan tanda di tapak perkhemahan.

## 5.6 PENYEDIAAN KEMUDAHAN UTILITI



### (a) Bekalan Air

Bekalan air mesti disediakan sama ada melalui bekalan paip utama penyedia perkhidmatan, tangki simpanan atau pam. Bekalan air alternatif seperti tadahan hujan, air bukit, air galian, sungai dan tasik boleh digunakan untuk tujuan pembersihan, siraman tanaman landskap dan pemadaman kebakaran.


### (b) Bekalan Elektrik

Tenaga elektrik perlu disediakan sepanjang masa bagi kegunaan di tapak sama ada dari penyedia perkhidmatan, set generator dan sel bateri. Penggunaan tenaga hijau seperti tenaga solar amat digalakkan.



### (c) Telekomunikasi

Pengurusan tapak perkhemahan hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya satu jenis kemudahan telekomunikasi yang boleh digunakan untuk berhubung semasa situasi kecemasan.



### (d) Sistem Pembetungan

Sistem pembetungan yang berfungsi dengan baik mesti disediakan. Air kumbahan hendaklah dirawat sebelum disalurkan keluar dari tapak ke saliran umum.

### (e) Pengurusan Sisa Pepejal



Pengurusan sisa pepejal domestik di tapak perlu dijalankan dan diuruskan dengan sebaiknya. Antara kaedah pengurusan sisa yang boleh diguna pakai adalah kitar semula (3R), penjanaan tenaga dari sisa (*waste to energy*) dan kaedah *zero waste* seperti mensyaratkan pengunjung tapak perkhemahan untuk membawa pulang sampah (*bring your rubbish home*).



# MEKANISME PEMAJUAN DAN KAWAL SELIA TAPAK

6.1 Kawal Selia Tapak Sedia  
Ada

6.2 Permohonan Tapak  
Baharu

6.3 Lain-Lain Kaedah  
Kawalan

6.4 Konsultasi Maklumat  
Teknikal



## 6.0 MEKANISME PEMAJUAN DAN KAWAL SELIA TAPAK PERKHEMAHAN

Bagi memastikan aktiviti pembangunan tapak perkhemahan dapat dikawal dan dipantau, beberapa komponen berkaitan mekanisme pemajuan dan kawal selia tapak perkhemahan dicadangkan iaitu seperti berikut:

### 6.1 KAWAL SELIA TAPAK SEDIA ADA

Kaedah kawal selia bagi tapak perkhemahan sedia ada adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut iaitu (rujuk **Jadual 6.1**) :

#### (a) Tapak Perkhemahan Asas

##### i. Luas Infrastruktur Kemudahan <3,000 kaki persegi

Tapak dengan keluasan infrastruktur kemudahan kurang dari 3,000 kaki persegi perlu berdaftar dan mengemukakan permohonan Permit Sementara Bangunan serta memohon Lesen Perniagaan kepada PBT untuk teruskan operasi.

##### ii. Luas Infrastruktur Kemudahan >3,000 kaki persegi

Tapak dengan keluasan infrastruktur kemudahan yang melebihi 3,000 kaki persegi perlu berdaftar dan mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dan Permit Sementara Bangunan dalam tempoh yang ditetapkan oleh PBT serta memohon Lesen Perniagaan dari PBT untuk teruskan operasi.

#### (b) Tapak Perkhemahan Premium

Pengusaha tapak perlu mengemukakan Permit Sementara Bangunan terlebih dahulu dan mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan dalam tempoh yang ditetapkan oleh PBT serta memohon lesen perniagaan dari PBT untuk teruskan operasi.

### 6.2 PERMOHONAN TAPAK BAHARU

Mekanisme pemajuan bagi permohonan tapak perkhemahan baharu adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah berikut iaitu:

#### (a) Tapak Perkhemahan Asas

##### i. Luas Infrastruktur Kemudahan <3,000 kaki persegi

Tapak dengan keluasan infrastruktur kemudahan kurang dari 3,000 kaki persegi perlu berdaftar dan mengemukakan permohonan Permit Bangunan Sementara kepada PBT serta memohon Lesen Perniagaan dari PBT.

**ii. Luas Infrastruktur Kemudahan >3000 kaki persegi**

Tapak dengan keluasan infrastruktur kemudahan yang melebihi 3000 kaki persegi perlu berdaftar dan mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dan Permit Sementara Bangunan kepada PBT serta memohon Lesen Perniagaan dari PBT.

**(b) Tapak Perkhemahan Premium**

Pengusaha tapak perlu mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan kepada PBT serta memohon Lesen Perniagaan dari PBT.

**6.3 LAIN-LAIN KAEDAH KAWALAN**

Selain mekanisme pemajuan dan kawal selia di atas, garis panduan perancangan ini juga mencadangkan perkara-perkara berikut:

**a) Fi**

Kadar Fi bagi permohonan Kebenaran Merancang adalah mengikut kadar Perniagaan atau Perdagangan dengan berdasarkan kepada Jadual Kiraan Fi di dalam Kaedah Pengawasan Perancangan Am (KPPA) Negeri yang sedang berkuat kuasa.

**b) Denda**

Layanan ke atas permohonan pemajuan tapak perkhemahan sedia ada hendaklah selaras dengan peruntukan perundangan yang terpakai termasuklah dari sudut pengenaan denda kerana menjalankan pembangunan sebelum mendapat kelulusan PBT.

**c) Moratorium**

Tempoh moratorium boleh diberikan kepada tapak perkhemahan sedia ada oleh PBN atau PBT sehingga akhir tahun 2025 bagi tapak perkhemahan premium dan akhir tahun 2026 bagi tapak perkhemahan asas. Sekiranya pengemukakan permohonan tidak dibuat dalam tempoh moratorium yang diberikan, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan mengikut bidang kuasa PBN atau PBT.

**6.4 KONSULTASI MAKLUMAT TEKNIKAL**

Konsultasi maklumat teknikal bagi tapak cadangan yang berada di kawasan risiko seperti sungai, pinggir laut dan pantai, tasik, tebing tinggi, cerun bukit dan laluan kemudahan utiliti hendaklah mendapatkan nasihat PLANMalaysia Negeri atau PBT sama ada ianya perlu dijalankan bersama agensi teknikal seperti JPS, JKR, JMG, TNB, PBAN dan pihak berkuasa lain sebelum mengemukakan cadangan pemajuan kepada PBT (rujuk **Jadual 6.1**).


Jadual 6.1: Mekanisme Pemajuan dan Kawal Selia Permohonan Tapak Perkhemahan

KATEGORI PEMBANGUNAN TAPAK PERKHEMAHAN	PEMILIKAN TANAH		JENIS KELULUSAN			
	TANAH RIZAB	TANAH BERIMILIK	PERMIT BANGUNAN SEMENTARA	KEBENARAN MERANCANG	*PELAN BANGUNAN	LESEN PERNIAGAAN PBT
TAPAK PERKHEMAHAN ASAS (kemudahan <3000 kp) - SEDIA ADA & BARU	/	/	/			/
TAPAK PERKHEMAHAN ASAS (kemudahan >3000 kp)		/	/	/(2026)		/
		/	/	/		/
TAPAK PERKHEMAHAN PREMIUM		/	/**	/(2025)	/(2025)	/
		/		/	/	/

Nota :

- i. \* Tertakluk kepada keperluan pengemukakan pelan-pelan lain yang berkaitan seperti pelan kerja tanah, pelan perparitan, pelan lampu jalan dan pelan lanskap.
- ii. \*\* Permit Bangunan Sementara (PBS) tidak terpakai setelah mendapat kelulusan Pelan Bangunan.
- iii. (Tahun) Tahun akhir moratorium di mana pemilik tapak perkhemahan perlu mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan untuk pertimbangan dan kelulusan PBT.

## CARTA ALIR PERMOHONAN PEMAJUAN TAPAK PERKHEMAHAN



Rajah 6.1: Carta Alir Permohonan Pemajuan Tapak Perkhemahan



# PENGURUSAN OPERASI TAPAK PERKHEMAHAN

- 7.1 Daftar Masuk
- 7.2 Taklimat Keselamatan
- 7.3 Keperluan Kakitangan Di Tapak
- 7.4 Persediaan Situasi Kecemasan
- 7.5 Penyelenggaraan Tapak
- 7.6 Lain-Lain Keperluan



## 7.0 PENGURUSAN OPERASI TAPAK PERKHEMAHAN

Pengurusan operasi tapak perkhemahan menggariskan amalan terbaik pengendalian tapak yang boleh dijadikan panduan utama kepada pihak operator iaitu:

### 7.1 DAFTAR MASUK

Pendaftaran masuk hendaklah dibuat sebelum peserta dibenarkan memasuki tapak perkhemahan. Ruang daftar masuk disediakan di pejabat pentadbiran dengan keluasan yang mencukupi dan mengutamakan keselesaan peserta.

Maklumat asas peserta yang mendaftar masuk perlu direkodkan seperti nama, nombor telefon peserta serta nombor telefon waris yang boleh dihubungi. Bilangan sebenar individu peserta perlu tepat dan direkodkan dengan jelas terutamanya bagi peserta berkumpul.



Contoh kaunter pendaftaran masuk ke tapak perkhemahan premium.

### 7.2 TAKLIMAT KESELAMATAN

Peserta hendaklah diberi taklimat keselamatan sepenuhnya mengenai peraturan, tatasusila budaya setempat dan langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi termasuk tatacara penggunaan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.

Taklimat juga perlu menerangkan pelan tindakan kecemasan yang disediakan oleh pihak pengurusan bagi situasi kecemasan di tapak. Taklimat keselamatan boleh disampaikan dalam pelbagai bentuk seperti tayangan video melalui skrin dan sebagainya.

### 7.3 KEPERLUAN KAKITANGAN DI TAPAK

Nisbah bilangan petugas perlu sesuai dengan kapasiti peserta perkhemahan dan diketuai oleh seorang pengurus. Petugas perlu dilengkapi dengan kemahiran khusus pengendalian operasi perkhemahan termasuk menguruskan situasi kecemasan dan bencana. Jadual bertugas untuk keselamatan tapak terutamanya pada waktu malam dan tugas-tugas lain perlu disediakan manakala nama dan nombor telefon pengurus bertugas perlu dipaparkan atau dikongsi.



Contoh kaedah taklimat keselamatan disampaikan.

## 7.4 PERSEDIAAN SITUASI KECEMASAN

- a) Pihak pengurusan tapak perlu menyediakan senarai nombor panggilan pasukan penyelamat untuk dihubungi sekiranya berlaku kecemasan seperti ambulans, balai polis dan balai bomba.

- b) Peralatan perubatan asas seperti alat bantu mula perlu disediakan di tapak dengan kakitangan yang terlatih untuk mengendalikannya.



Contoh peralatan untuk kegunaan semasa kecemasan.

- c) Alat pemadam kebakaran harus tersedia dan mencukupi di tapak.
- d) Bekalan air dengan tekanan yang baik dan pasir juga boleh digunakan untuk memadamkan kebakaran.
- e) Pelan tindakan kecemasan perlu dipaparkan di lokasi-lokasi yang strategik dan laluan kecemasan perlu ditanda.

## 7.5 PENYELENGGARAAN TAPAK

Perancangan kerja-kerja menyelenggara tapak perlu disediakan dan operasi tapak boleh sama ada dihentikan sepenuhnya atau di dalam mod separa operasi semasa ianya berjalan bagi menjamin kebersihan dan keselamatan tapak.

Skop kerja penyelenggaraan tapak adalah seperti pemantauan dan pengukuhan kawasan cerun, penambahbaikan saliran air, membaiki, mengubah suai serta menaik taraf kemudahan, memotong dahan pokok yang mati, semburan bahan penghalau binatang berbisa dan sebagainya.

Penyelenggaraan berkala mampu mengelakkan kejadian yang tidak diingini dari berlaku dan mengurangkan impak kerosakan akibat bencana.

## 7.6 LAIN-LAIN KEPERLUAN

- a) Pembakaran unggun api (*camp fire*) dibenarkan tertakluk kepada kebenaran dari pihak berkuasa dan kesesuaian tapak. Kawasan atau struktur khas pembakaran perlu disediakan dengan jarak minimum 5 meter dari khemah.
- b) Digalakkan pihak berkuasa menyediakan alat pengesan pergerakan tanah di kawasan cerun yang berisiko.
- c) Tidak dibenarkan mengganggu ketenteraman sekeliling dengan bunyi bising terutamanya pada waktu malam. Kaedah *silence hours* sebagai contoh, dari jam 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi boleh diguna pakai.
- d) Tumbuhan, pokok atau hidupan lain di dalam kawasan tapak tidak boleh dirosakkan atau dimusnahkan.
- e) Peserta berumur bawah 12 tahun perlu sentiasa ditemani oleh ibu bapa atau penjaga.
- f) Aktiviti lasak (*outdoor and extreme activities*) seperti kayak, rakit, menunggang kuda, mendaki gunung, *flying fox*, *bungee jumping*, ATV dan lain-lain perlu diselia dan dikendalikan oleh individu yang bertauliah serta mendapat permit kebenaran untuk menjalankan aktiviti dari pihak berkuasa.
- g) Aktiviti yang dijalankan di kawasan tapak perlu menghormati norma budaya masyarakat setempat serta tidak bercanggah dengan peruntukan undang-undang.
- h) Pengusaha tapak perkhemahan perlu mengambil insurans liabiliti awam atau takaful bagi aktiviti yang dijalankan.
- i) Pengusaha tapak perlu mematuhi syarat dan peraturan lain yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan dalam menjalankan operasi tapak.



Tempat unggun api diletakkan di kawasan terbuka dan selamat.





PENUTUP






## 8.0 PENUTUP

Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan memberi fokus kepada tafsiran, kategori, prinsip perancangan, perancangan tapak, mekanisme pemajuan dan kawal selia serta panduan pengurusan operasi yang perlu dipatuhi bagi pembangunan sesebuah tapak perkhemahan.

Garis panduan ini diharapkan menjadi rujukan dalam memastikan pemajuan tapak perkhemahan mengutamakan prinsip kemampunan alam semula jadi dan keselamatan awam melalui tatacara pemajuan dan kawal selia yang jelas serta selari dengan peruntukan perundangan agar kecekapan operasi tapak perkhemahan dapat dipertingkatkan.



LAMPIRAN









Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Pengarah  
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tel : 03-8091 0000  
Laman Web : [www.planmalaysia.gov.my](http://www.planmalaysia.gov.my)



**PLANMalaysia**

Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning : Beyond Conventional*

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Blok F5, Kompleks F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62675 Putrajaya

Tel : 03-8091 0000  
[www.planmalaysia.gov.my](http://www.planmalaysia.gov.my)

ISBN 978-967-5456-98-5



9 789675 456985